

Peristiwa Israk Mikraj

(II)

Dengan adanya peristiwa “*Isrā’* dan *Mi’rāj*” ini, maka Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dapat meluaskan pandangannya, menambahkan pengalamannya yang luar biasa dan penglihatannya yang lebih indah, betapa dan seberapa besarnya kekuatan dan kegagahan manusia, tidaklah mungkin sedikit pun mengalahkan kekuatan dan keagungan Allah, Tuhan yang Maha Besar, Maha Kuat, Maha Berkuasa dan Maha Sempurna. Dengan menyaksikan segala-segalanya ini dengan mata kepala baginda sendiri, jiwa baginda bertambah kukuh, dan bertambah kuat kepercayaannya terhadap kekuasaan dan kebesaran Allah, darah dan semangat baginda makin penuh keyakinan terhadap kemuliaan dan ketinggian-Nya.

- Oleh: Haji Munawar Khalil -

Nabi Menyatakan Hak dan Kebenaran:

Diriwayatkan, bahawa pada keesokan harinya – dari malam terjadinya *Isrā’* dan *Mi’rāj* peristiwa *Isrā’* dan *Mi’rāj* itu - Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* sendiri datang ke Masjid al-Harām lalu baginda duduk seorang diri di sisi Kaabah kerana menunggu kedatangan orang-orang musyrikin dan muslimin ke masjid itu untuk menyampaikan kepada mereka kisah peristiwa ganjil yang baharu dialaminya pada malam tadi. Tentang percaya atau tidaknya orang ramai terhadap peristiwa itu bukanlah menjadi urusan baginda. Tetapi segala hak dan kebenaran itu pastilah dipersembahkan kepada orang ramai.

Memang sudah menjadi suatu kebiasaan, di sekeliling Kaabah (Baitul-lah) pada setiap pagi menjadi tempat para penganjur kaum Quraisy berkumpul-kumpul dan bercakap-cakap mengenai hal perniagaan dan dan hal masyarakat mereka sehari-hari. Pada hari itu Abū Jahal pun tidak ketinggalan berada di dalam masjid itu bersama orang

ramai. Setelah ia melihat Nabi Muhammad

sedang duduk seorang diri, maka ia pun lantas menghampiri baginda seraya bertanya:

- “Wahai Muhammad! Adakah engkau

mendapat sesuatu perkara yang baharu lagi?”

- “Ya benar! Saya baharu sahaja

mendapat suatu perkara yang baharu!”

(jawab Nabi Muhammad).

- “Perkara apa itu Muhammad?”

Cubalah ceritakan!”

- “Saya semalam telah pergi

musafir jauh keluar negeri!”

- “Engkau telah musafir ke mana

wahai Muhammad?”

- “Saya telah pergi ke Baitul

Maqdis!”

- “Apa? ... pergi ke Bayt

al-Maqdis semalam dan pada pagi ini

engkau telah berada semula di Makkah di hadapan

kami?”

- “Ya benar! Saya semalam telah

pergi ke Baitul Maqdis.”

Sewaktu Abū Jahal mendengar perkataan

yang diucapkan oleh Nabi Muhammad itu,

ia amat berasa hairan, sambil

menggeleng-gelengkan kepalanya kemudian ia

bertanya lagi:

- Muhammad! Perkataanmu itu adakah

benar, pada hal engkau semalam kami

lihat berada di Hatim” bukan?. Mengapa

pula engkau berani mengatakan bahawa

semalam engkau telah pergi ke Baitul

Maqdis?

Memang benar, pada malam semalam Nabi

Muhammad kebetulan berada di Hatim

di sisi Kaabah – sebagaimana yang

tersebut di dalam riwayat yang lalu – dan

Abū Jahal kebetulan memang melihat Nabi

Muhammad berada di situ. Dengan demikian

Abū Jahal dengan keras kepala tidak

mahu membenarkan segala kata-kata yang

diucapkan oleh baginda itu dan

menunjukkan pula sikap kehairanannya.

Selanjutnya Abū Jahal berkata pula

kepada Nabi:

- “Adakah engkau berani menyatakan yang

demikian itu di muka kaumku? Kalau

engkau berani akan aku panggil mereka

Peristiwa *Isrā'* dan *Mi'rāj*

datang ke mari. Nanti, apabila mereka telah datang berhimpun, katakanlah kepada mereka seperti yang telah engkau katakan kepada ku tadi.”

- “Mengapa aku mesti takut? Panggillah mereka semua ke mari!”

(jawab Nabi Muhammad dengan tegas).

- “Engkau jangan pergi dari sini wahai Muhammad! Sebentar lagi aku akan memanggil mereka datang ke mari.”

- “Mengapa saya mesti pergi dari sini? Saya siap sedia untuk menyampaikan berita perjalanan saya ke Baitul Maqdis semalam kepada sesiapa pun juga!”.

Ketika itu juga Abū Jahal pun pergi memanggil sahabat-sahabatnya yang terdiri daripada para kaum Quraisy, baik yang telah berada di dalam masjid mahu pun yang masih di rumah mereka masing-masing, dan dalam jangka yang pendek sahaja mereka telah datang berduyun-duyun ke Masjid al-Ḥarām dan berhimpun di hadapan Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Setelah mereka semua berkumpul di sekeliling Kaabah itu, maka Abū Jahal pun tampil ke muka lantas berkata dengan bongkaknya:

- “Wahai Muhammad! Sekarang katakanlah kepada mereka seperti yang telah engkau katakan tadi kepada ku!”

- “Saudara-saudara sekalian! Sesungguhnya saya semalam telah pergi musafir ke luar negeri, ke Baitul Maqdis!”

“Pergi ke mana engkau wahai Muhammad?!” (Tanya orang-orang Quraisy).

- “Saya semalam telah pergi ke Baitul Maqdis!” (jawab Nabi Muhammad dengan sikap tegas dan tenang).

- “Apa katamu? Semalam engkau telah pergi ke Baitul Maqdis, dan pada pagi ini engkau sudah berada di sini? (Tanya orang ramai lagi dengan kehairanan).

- “Ya benar! Sesungguhnya saya semalam telah pergi ke Baitul Maqdis!” (jawab Nabi dengan bersungguh-sungguh).

- “Sesungguhnya ini adalah suatu perkara yang amat ajaib!” (Kata orang-orang Quraisy musyrikin itu).

Pada ketika itu juga gemparlah mereka dan gemuruhlah suara mereka dalam masjid itu. Dan Abū Jahal pada saat itu berkata dengan suara yang keras:

- “Wah! Muhammad itu memang ada-ada sahaja perkara yang tidak termasuk pada akal diperkatakannya”.

Dari kehairanan mereka masing-masing, maka sebahagian di antara mereka ada yang mengejek dan memperolok-olokkan Nabi Muhammad, sebahagiannya ada yang bertepuk-tepuk tangan dan sebahagian yang lain ada yang ketawa terbahak-bahak, demikianlah selanjutnya hal mereka itu mendustakan kata-kata yang diucapkan oleh Nabi Muhammad itu.

Kemudian pada ketika itu juga Abū Jahal dan kawan-kawannya pergi memanggil Saiyidina Abū Bakar dirumahnya agar beliau itu datang ke masjid. Abū Jahal setelah ia bertemu dengan Saiyidina Abū Bakar lalu berkata:

- “Wahai Abū Bakar! Bagaimanakah pendapatmu terhadap sahabatmu yang paling engkau cintai itu berkata:

‘bahawa ia semalam telah bermusafir pergi ke Baitul Maqdis dan pada pagi ia sudah berada di antara kita di Makkah?’ ”

- “Adakah benar ia berkata demikian?” (Tanya Saiyidina Abū Bakar).

- “Ya, sungguh ia telah berkata begitu di muka orang ramai yang berhimpun di dalam masjid. Maka engkau sekarang juga kami persilakan supaya datang ke masjid untuk mendengar sendiri akan perkataannya itu!”

- “Kalau betul ia telah berkata begitu, sungguh benarlah ia, kerana ia adalah seorang manusia yang tidak pernah berdusta!”.

- “Adakah engkau membenarkan perkataannya yang mengatakan ia semalam telah pergi ke Baitul Maqdis dan sebelum menjelang waktu pagi ia telah kembali ke Makkah dan berada di sisi Kaabah?” (Tanya Abū Jahal dan kawan-kawannya dengan berupa kehairanan)

- “Ya, saya membenarkan perkataannya dan sungguh saya akan membenarkannya sekalipun lebih jauh dari yang dikatakannya itu, seterusnya saya akan membenarkan setiap berita yang datang dari langit, baik di waktu pagi mahu pun di waktu petang yang disampaikan oleh Muhammad!” (Jawab Saiyidina Abū Bakar dengan tenang dan bersungguh-sungguh).

Kemudian Saiyidina Abū Bakar bersama-sama dengan Abū Jahal dan kawan-kawannya itu pun pergi ke Masjid al-Ḥarām dan terus mengadap Nabi Muhammad lalu mendengar perkataan yang diucapkannya, dan di kala itu Nabi kebetulan sedang dibantah oleh Mut’am:

Peristiwa *Isrā'* dan *Mi'rāj*

- "Wahai Muhammad! Bahawa urusanmu sebelum hari ini adalah urusan yang mudah, selain perkataanmu yang engkau ucapkan pada hari ini. Kita boleh pergi ke Baitul Maqdis dengan berkenderaan unta yang paling cepat, berangkatnya mengambil masa sebulan dan pulanginya sebulan pula, dan sekarang engkau mengatakan bahawa engkau telah pergi ke sana dalam tempoh satu malam. Demi atas nama berhala al-Lāta dan al-'Uzzā aku tidak mempuycayai¹ akan perkataanmu itu dan tidak pula akan membenarkan apa-apa yang akan engkau perkatakan sedikit pun pada masa-masa yang akan datang!"

Ketika Mut'am sedang berkata-kata itu, tiba-tiba datanglah Saiyidina Abū Bakar, dan setelah beliau mendengar segala perkataan Mut'am membantah apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad itu, lalu beliau segera menyampuk:

- "Wahai Mut'am! Amat buruk sekali apa yang engkau katakan kepada anak saudara lelakimu itu, engkau menghadapkan mukamu kepadanya dengan rasa penuh kebencian dan engkau mendustakan perkataannya. Aku naik saksi bahawa segala apa yang telah dikatakan oleh Muhammad itu adalah benar!"

"Percayakah engkau wahai Abū Bakar! Ia berangkat ke Baitul Maqdis semalam dan telah kembali ke Makkah sebelum fajar hari ini?" (tanya Mut'am dengan suara yang keras).

- "Ya, bahkan saya percaya juga, jika Muhammad mengatakan ia telah pergi ke tempat yang lebih jauh dari itu, mengapa saya tidak percaya akan rahmat yang dikurniakan oleh Allah kepadanya, yang hanya dengan dipindahkannya ke tempat sebulan perjalanan?" (jawab Saiyidina Abū Bakar lebih keras lagi).*

Oleh kerana pada waktu itu ada di antara para saudagar kaum musyrikin Quraisy yang telah pernah berulang-alik ke Baitul Maqdis menjalankan perniagaan mereka di sana, maka sudah tentu mereka banyak yang mengetahui keadaan Baitul Maqdis, dan mereka pun mengetahui bahawa Nabi Muhammad selama hayatnya belum pernah pergi ke Baitul Maqdis, maka sebahagian daripada mereka mengemukakan berbagai-bagai pertanyaan kepada baginda tentang keadaan Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis itu, seperti bentuk bangunannya, jumlah pintunya, jumlah tiangnya dan sebagainya.

Maka mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang demikian itu ialah dengan tujuan untuk menguji, apa benarkah Nabi Muhammad itu telah pergi ke Baitul Maqdis sebagaimana yang dikatakannya itu. Tetapi dengan tenang kesemua pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan berkenaan Masjid al-Aqsa itu satu persatu dijawab oleh Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dengan tepat, kerana pada ketika itu juga Allah memerintahkan malaikat Jibril memperlihatkan bentuk bangunan Masjid al-Aqsa dihadapan baginda dengan jelas.

Namun demikian jelasnya keterangan-keterangan yang telah diberikan oleh Nabi Muhammad mereka masih tetap juga tidak

mahu mempercayainya. Oleh mereka semua jawapan-jawapan yang begitu jelas dan tepat dari baginda mereka anggap sebagai suatu ilmu sihir.

Demikianlah di antara riwayat kegemparan masyarakat kaum musyrikin Quraisy terhadap peristiwa "*Isrā'* dan *Mi'rāj*" Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. (Sehingga ada sebahagian daripada orang-orang Islam yang lemah imannya terus menjadi murtad setelah mereka mendengar kisah "*Isrā'* dan *Mi'rāj*" yang amat ganjil dan luar biasa ini – P).

Intisari *Isrā'* dan *Mi'rāj*:

Kalau orang hendak mengetahui atau sekurang-kurangnya ingin mengetahui barang sekadarnya tentang "intisari" yang terkandung di dalam peristiwa "*Isrā'* dan *Mi'rāj*" ini, maka ia hendaklah kembali memperhatikan dan mengkaji riwayat peribadi Rasul Allah dikala itu, yakni sebelum baginda *diisrā'* dan *dimi'rājkan*.

Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang bijaksana, yang sentiasa mengetahui bagaimana gundah-gulana perasaan Nabi, kesedihan dan kepiluan yang sedang dirasakan olehnya, penderitaan serba kesulitan yang tengah dihadapinya. Kesusahan yang bertubi-tubi, kedukaan-kedukaan yang bertimbun-timbun mengelubungi segenap jiwa dan hatinya, semuanya itu diketahui dan didengar dengan sucukupnya oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*, dan dia tetap memberikan perlindungan dan pertolongan dengan cara dan jalan yang

* Berhubung dengan peristiwa "*Isrā'* dan *Mi'rāj*" di atas, maka semenjak hari itulah Saiyidina Abū Bakar

mendapat gelaran "*al-Ṣiddīq*" yang bererti "seorang yang membenarkan". Demikianlah menurut riwayat yang diriwayatkan oleh al-Ḥakīm dari Saiyidatina Aishah *radīya Allāhu 'anha* dan Ibn 'Asākir dari Abī Hurayrah.

¹ ejaan sebetulnya mempuycayai

Peristiwa *Isrā'* dan *Mi'rāj*

Peristiwa *Isrā'* dan *Mi'rāj*

bagaimana pun juga yang tidak diketahui oleh seseorang jua pun.

Demikianlah pada satu saat, pada satu malam hari yang gelap-gelita, yang umumnya makhluk bangsa manusia yang hidup di muka bumi tanah Arab sedang tidur lena dengan nyenyaknya, di tengah malam yang bersuasana hening dan tenang, Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dengan tiba-tiba di*isrā'* dan di*mi'rāj*kan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*.

Di*isrā'* dan di*mi'rāj*kan itu adalah bererti bahawa Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* diperintahkan oleh Allah supaya merantau dan mengembara, pergi keluar dari kota tempat kediamannya dari sejak kecil, mula merantau dengan berkenderaan sejenis “kaylah” berjalan terbang menuju ke arah utara, melalui gunung-gunung dan padang-padang pasir, yang dalam pada itu diperlihatkan kepadanya bekas-bekas lama kota-kota besar yang pernah mengalami kemajuan, tempat-tempat yang telah ada kebudayaannya, seperti kota-kota negara kaum yahudi yang terletak di antara kota *Yathrib* (Madinah) dan negeri Syam. Dan dalam pada itu pula beliau dipersilakan meninjau tempat-tempat yang bersejarah, walaupun hanya dalam sebentar waktu, yang kiranya dapat dipergunakan sebagai ibadat dan suri tauladan untuk baginda sendiri khususnya dan bagi segenap umat Islam umumnya.

Selanjutnya baginda diperlihatkan pula keadaan suasana alam semesta yang terletak di sebelah atas, alam bintang-bintang

yang keadaanya jauh lebih luas, lebih lebar, lebih elok dan lebih indah daripada alam dunia atau alam bumi ini. Dengan hal yang demikian dapatlah Nabi Muhammad menyaksikan serta memperhatikan dengan bersungguh-sungguh, bahawa kekuasaan Allah dan kebesarannya itu adalah melebihi segenap kekuasaan, kebesaran dan kekuatan yang ada pada makhluk dan dengan yang demikian, baginda dapatlah mengambil kesimpulan bahawa seberapa kekuasaan dan kebesaran serta kekuatan yang ada pada manusia di muka bumi ini, belum ada nilai harganya sedikit pun jika dibandingkan dengan kekuasaan dan kebesaran serta kekuatan Allah yang maha gagah dan maha pencipta!

Berhubung dengan adanya peristiwa “*Isrā'* dan *Mi'rāj*” ini, maka Nabi Muhammad dapat pula meluaskan pemandangannya, menambahkan pengalamannya yang luar biasa dan penglihatannya yang lebih indah, betapa dan seberapa besar kekuatan dan kegagahan manusia, tidaklah mungkin sedikit pun dapat mengalahkan keagungan Allah, Tuhan yang maha besar, maha kuat, maha berkuasa dan maha sempurna. Dengan menyaksikan segala-galanya ini dengan mata kepala baginda sendiri, jiwa baginda bertambah kukuh dan kuat kepercayaannya terhadap kekuasaan dan kebesaran Allah, darah dan semangat baginda makin penuh keyakinan terhadap kemuliaan dan ketinggianNya.

Setelah Nabi Muhammad menjalankan peristiwa “*Isrā'* dan *Mi'rāj*” ini, maka bertambah kuat dan kukuhlah iman yang tertanam di dalam hati sanubari baginda dan bertambah teguhlah keyakinan, bahawa dakwah

Islamiyah yang baginda jalankan selama ini dengan tidak disangka-sangka akan tibalah saat untuk mencapai kemenangan yang gilang-gemilang.

Oleh yang demikian Nabi Muhammad selepas itu dengan semangat yang tak kunjung padam, baginda terus berdakwah menyampaikan risalah kebenaran agama Islam yang telah diterimanya dari Tuhan, baik kepada kawan mahupun kepada lawan. Kepada pihak lawan yang menentang dan memusuhi risalah baginda, baginda layani dengan penuh rasa kesabaran, dan siap sedia menghadapinya dengan penuh tanggungjawab.

Inilah keringkasan atau kesimpulan “intisari” peristiwa “*Israk* dan *Mikraj*” yang seharusnya diperhatikan benar-benar dan sepatutnya direnungkan dengan penuh kesedaran dan keinsafan oleh setiap orang yang mengakui dirinya sebagai pengikut Rasulullah dan seterusnya oleh para penganjur dan pemimpin Islam terutamanya.

Dan sesungguhnya tentang “intisari” yang terkandung di dalam peristiwa “*Isrā'* dan *Mi'rāj*” serta kesan-kesannya yang diperoleh baginda Rasulullah adalah telah jelas dinyatakan oleh Allah di dalam al-Qur'ān Surah al-Isra' (bani Israel) dari ayat (2) sampai ke ayat (111). Oleh sebab itu kaum muslimin yang ingin mengetahui lebih mendalam tentang “intisari” dan kesan-kesan peristiwa “*Isrā'* dan *Mi'rāj*” ini, cukuplah memperhati dan mengkaji dengan seluas-luasnya ayat yang terkandung di dalam surah al-Isra' seluruhnya. Wa al-salām min atba' al-hudā.